

TEPAT & TERKINI

**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

Berdasarkan


**JADUAL SPESIFIKASI
UJIAN (JSU)**

Bahasa Melayu⁽⁰²⁾

Tingkatan

1

KSSM



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

Tingkatan 1

Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 15	15	
B	1	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
C	1	15	
Jumlah		60	

BAHAGIAN B**[30 markah]**

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti setiap kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.

- (i) Puan Wong membeli sehelai cheongsam untuk dipakai pada Tahun Baharu Cina nanti.

- (ii) Serunding daging yang dijual oleh peniaga di pasar malam itu sangat sedap.

[2 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Mengapa pengambilan makanan yang sihat dan seimbang itu penting?

- (ii) Peniaga-niaga kraf tangan di kawasan itu menjual produk mereka pada harga yang berpatutan.

[2 markah]

3 Susun semula perkataan atau frasa di bawah ini supaya menjadi ayat susunan biasa yang gramatis. Ayat yang dibina hendaklah menepati pola ayat dasar yang telah ditetapkan. Anda hendaklah menggunakan semua perkataan yang diberikan dan tidak boleh menambah perkataan lain.

(i) Pola: Frasa Nama + Frasa Sendi Nama

klinik Rabu Meng Hock pada ke hari

(ii) Pola: Frasa Nama + Frasa Adjektif

Encik Devan bilik anak sulung tidur sekali kemas

(iii) Pola: Frasa Nama + Frasa Nama

ialah penceramah Diri Puan Mazuin Bengkel itu Penampilan



(iv) Pola: Frasa Nama + Frasa Kerja

padang latihan bola sepak sedang pasukan menjalani di

[4 markah]

4 Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.

Berdasarkan bahan tersebut, tulis bandingan semacam yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

"Mak selalu sangat kirim duit kepada Abang Azman. Dia kan dah dapat biasiswa, buat apa nak kirim lagi?" Azizah sedih dan kecewa. Mana nak cari wang? Sekurang-kurangnya sepuluh ringgit diperlukan untuk membeli hadiah buat Cikgu Zaleha. Azizah sayang akan Cikgu Zaleha kerana guru itu selalu memuji kepandaian Azizah dalam kebanyakan mata pelajaran. Azizah juga dipuji kerana rajin belajar dan merupakan murid yang berdisiplin.

"Cikgu nak hadiah apa pada Hari Guru nanti?" tanya Azizah pada suatu hari di bilik guru. "Cikgu tak nak hadiah apa-apa daripada kamu. Cukuplah dengan kejayaan kamu yang cemerlang dalam UPSR nanti," kata Cikgu Zaleha dengan lembut dan tenang.

Dipetik daripada cerpen 'Hadiah',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 2

Selain menyampaikan ilmu dalam kandungan mata pelajaran, guru juga bertanggungjawab menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan yang bermanfaat bagi perkembangan mental murid. Pada hakikatnya, guru berperanan secara berkesan untuk membentuk akhlak dan peribadi murid-murid supaya mereka menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan berguna kepada negara. Guru juga mempunyai akauntabiliti terhadap pencapaian, kemajuan, dan kecemerlangan murid-murid dalam bidang pelajaran dan juga dari segi moral serta akhlak.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Profesionalisme dan Akauntabiliti Guru dalam Pembangunan Masyarakat Berkualiti',
oleh Azim Ismail, *Dewan Masyarakat*, Bil. 08/2023

- 5 (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan peranan guru dalam perkembangan mental murid-murid.

[3 markah]

- (b) Berdasarkan Bahan 1, nyatakan **dua** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[3 markah]

- (c) Guru perlu membina hubungan yang baik dengan setiap murid agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancarnya.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan antara guru dengan murid?

[4 markah]